



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (12 NOVEMBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **lapan (8) kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Kes yang dilaporkan tersebut adalah di daerah Kuching (7) dan Lawas (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,019 kes.**

#### **A. Kes COVID-19 Baharu**

##### **I. Daerah Kuching (7 Kes Baharu) (7 Kes Jangkitan Tempatan)**

##### **a) Kes Saringan Kontak Rapat Kepada Kes Positif COVID-19. (7 Kes Baharu)**

Terdapat tujuh (7) kes yang telah disaring kerana mempunyai kontak rapat dengan kes-kes positif yang telah dilaporkan sebelum ini. Kesemua kes ini telah menjalani saringan di klinik kesihatan melalui pengesanan kontak kepada kes positif COVID-19. Ringkasan dan perkaitan kes-kes ini adalah seperti berikut:

- i. Kes Ke-1,012 adalah suami dan adalah kontak kepada kes Ke-1,010.
- ii. Kes Ke-1,013 adalah bapa dan mempunyai kontak rapat kepada kes Ke-916.
- iii. Kes Ke-1,014, 1,015 dan 1,016 adalah isteri dan anak-anak serta kontak rapat kepada kes Ke-986
- iv. Kes Ke-1,017 dan 1,018 adalah isteri dan anak serta mempunyai kontak rapat kepada kes Ke-899.

Kes Ke-1,013 adalah kes baharu yang mempunyai kontak rapat kepada seorang kes positif di dalam Kluster Greehill; manakala kes Ke-1,017 dan 1,018 adalah kes-kes baharu yang mempunyai kontak rapat kepada kes positif di dalam Kluster Wisma Saberkas.

Semua kes telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Pengesanan aktif kontak-kontak lain kepada rangkaian kes ini sedang giat dijalankan.

## **II. Daerah Lawas (1 Kes Baharu) (Kes Import-B)**

### **a) Kes Saringan Individu Balik dari Kawasan Berisiko Tinggi Jangkitan COVID-19 di Sabah**

Kes Ke-1,019 merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang telah menjalani saringan COVID-19 kerana baru pulang dari Sabah pada 7 November 2020. Kes berada di Sabah sejak awal bulan Jun 2020 bagi tujuan bekerja sebagai jurujual di sebuah kedai pakaian di Kota Kinabalu, Sabah. Kes telah pulang ke Sarawak melalui ICQS Merapok dan terus dimasukkan ke pusat kuarantin setibanya di Lawas untuk menjalani kuarantin wajib 14 hari.

Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes telah dirujuk dan dimasukkan ke wad pengasingan Hospital Miri untuk rawatan lanjut.

Siasatan lanjut dan pengesanan kontak-kontak kepada kes-kes ini sedang giat dijalankan. Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan dari kawasan berisiko jangkitan COVID-19 iaitu Sabah.

**B. Kluster COVID-19 yang masih aktif.**

Hari ini, tiada (0) kluster baharu dilaporkan. Ini menjadikan terdapat lima (5) kluster yang kekal masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

**i) Kluster Greenhill di Daerah Kuching.**

Terdapat penambahan satu (1) kes baharu positif COVID-19 yang dikaitkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini meningkat kepada 88 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 1486 individu telah disaring, dimana:

- 88 kes dikesan positif COVID-19;
- 1,296 individu negatif dan
- 102 individu masih menunggu keputusan

**ii) Kluster Wisma Saberkas di Daerah Kuching.**

Terdapat penambahan dua (2) kes baharu positif COVID-19 yang telah dikesan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini meningkat kepada 41 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 1192 individu telah disaring, dimana:

- 41 kes dikesan positif COVID-19;
- 1,079 individu negatif; dan
- 72 individu yang masih menunggu keputusan.

**iii) Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai dua belas (12) orang termasuk kes indeks.

**iv) Kluster Baki di Daerah Kuching.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai 33 orang termasuk kes indeks.

**v) Kluster Seladah di Daerah Kuching.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai sembilan (9) orang termasuk kes indeks.

**C. Status Kes COVID-19 di dalam Wad Pengasingan Hospital.**

Dimaklumkan juga bahawa **22** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Seramai enam belas (16) kes yang telah pulih dan dibenarkan didiscaj ini adalah dari Hospital Umum Sarawak dan enam (6) kes dari Hospital Miri. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah kekal seramai **882** orang atau **86.56%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **118** orang iaitu:

- 102 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak;
- 16 kes di Hospital Miri

**Tiada** kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 1.86%**.

Hari ini **13 PUI** baru telah dilaporkan dan **tiga (3)** PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

#### **D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini, daerah Kuching kekal berstatus merah dengan jumlah keseluruhan seramai **125** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Daerah Miri, Lundu dan Limbang juga kekal berstatus kuning. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Merah adalah satu (1) buah daerah, tiga (3) berstatus Kuning dan 36 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

## **2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

### **A. Penamatan Tempoh PKPD Kampung Haji Baki**

Hari ini Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri telah menamatkan tempoh PKPD di Kampung Haji Baki memandangkan keputusan saringan kedua tidak mendapati sebarang kes positif yang baharu. Di samping itu juga tiada bukti yang menunjukkan jangkitan masih menular di kawasan tersebut.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua agensi dan penduduk kampung atas kerjasama menjayakan PKPD ini.

## **3. LAPORAN PKPB DAERAH KUCHING (9-22 NOVEMBER 2020)**

Hari ini **sebanyak 9,539 jumlah kenderaan** diperiksa semasa PKPB di daerah Kuching. Ini menjadikan jumlah kumulatif kenderaan diperiksa sebanyak **25,436**.

## **4. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN**

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **23 kompaun** di Daerah Limbang (11), Kuching (8), Sarikei (2) dan Betong (2).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **151 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan DBKU (67), MPP (24), SMC (23), MD Marusi (15), BDA (7), MD Serian (5), MB Miri (4), MBKS (3), MD Sarikei (2) dan MPKS (1).

## **5. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)**

Hari ini sebanyak **1,376 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (165), Restoran (286), Kilang (11), Bank (111), Pejabat Kerajaan (36), Penjaja (33), Pasar Tani/Awam (57), Tempat Ibadah (57), Tempat Riadah (36), Tapak Pembinaan (17) dan lain-lain (567).

Seramai **572 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (269), ATM (37), RELA (125), APM (84), PBT (49), KKM (3) dan lain-lain agensi (5).

## **6. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,519** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**12 NOVEMBER 2020**

**5.00 PETANG**



## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Previous Cases	1011	Total Cases still in ward	118	11.58%
New Cases	8	Cases in <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Total Samples by Individu	162,743	Intubated Cases	0	0.00%
Cumm. Positive Cases	1019	Total Death Cases	19	1.86%
IR per 100,000 population	33.03	Recovered and discharged cases	882	86.56%
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	New	Cummulative
Negative	8	9,396	Patient Under Investigation (PUI)	13
Pending Result	2	3		

Current Status	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward	102	0	0	16	0	118
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Intubated cases	0	0	0	0	0	0
Total Death Cases	17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	16	0	0	6	22
	Cummulative	735	41	49	55	882
Total re-admission cases ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	9	3	1	0	22

#### DAERAH MERAH (1)

No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	12	6,940	7	675	15	566	0	12	97	129	125
Jumlah		12	6,940	7	675	15	566	0	12	97	129	125

#### DAERAH KUNING (3)

No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lundu	0	262	0	7	0	4	0	0	3	4	4
2	Miri	0	907	0	54	6	41	0	1	12	19	14
3	Limbang	0	33	0	11	0	10	0	1	0	1	1
Jumlah		0	1,202	0	72	6	55	0	2	15	24	19

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Samarahan	0	586	0	116	1	111	0	4	1	3	0
2	Bintulu	0	320	0	49	0	49	0	0	0	2	0
3	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Sibu	0	122	0	17	0	17	0	0	0	0	0
5	Lawas	1	27	1	9	0	4	0	0	5	5	0
6	Serian	0	318	0	25	0	25	0	0	0	0	0
7	Bau	0	180	0	7	0	7	0	0	0	0	0
8	Simunjan	0	64	0	8	0	8	0	0	0	0	0
9	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
10	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
11	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	55	0	4	0	3	0	1	0	0	0
13	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
29	Kapit	0	36	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>1</b>	<b>2,276</b>	<b>1</b>	<b>272</b>	<b>1</b>	<b>261</b>	<b>0</b>	<b>5</b>	<b>6</b>	<b>10</b>	<b>0</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>13</b>	<b>10,418</b>	<b>8</b>	<b>1,019</b>	<b>22</b>	<b>882</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>118</b>	<b>163</b>	<b>144</b>

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **159** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **29 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **2,287 orang**. Manakala seramai **30,889 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 12.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (1,396)	Hock Lee	121
2		Kuching Park	117
3		Hilton	270
4		Harbour View	188
5		Riverside (Astana Wing)	213
6		Tune Hotel	100
7		Dormani Hotel	57
8		Grand Continental	159
9		Meritin	78
10		Longhouse	93
11	Miri (435)	Mega Hotel	65
12		Imperial Palace	98
13		Eastwood Valley	53
14		Meritz	115
15		Miri	0
16		Dynasty	100
17		Citi Hotel	4
18	Bintulu (111)	Wasan Inn	16
19		Fairfield by Marriot	15
20		Kidurong Inn	4
21		Motel Kapok	46
22		Faber Inn	11
23		AA Inn	19
24	Limbang (207)	Purnama	70
25		Seri Malaysia (Lawas)	120
26		Shangshan (Lawas)	0
27		Mandarin (Lawas)	17
28	Sibu (81)	Premier	81
29	Samarahan (57)	Kolej Rafflesia, UNIMAS	57
<b>Jumlah PUS</b>			<b>2,287</b>

**3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **4 lokasi di Kuching (3) dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,959 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 12.11.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>3</b>	<b>651</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>1</b>	<b>374</b>
3	Sibu	TIADA	189
4	Samarahan	TIADA	129
5	Bintulu	TIADA	121
6	Sarikei	TIADA	118
7	Limbang	TIADA	90
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	TIADA	58
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	52
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>1,959</b>

**4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **50 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 12.11.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	4
2	MPKS	2
3	MD Serian	3
4	MD Sri Aman	7
5	MP Sibu	9
6	BDA	5
7	MCC	14
8	MD Marudi	5
9	MD Lawas	1
<b>Jumlah</b>		<b>50</b>